

Malaysia sokong Timor Leste sebagai anggota ke-11 ASEAN

Oleh **ASLINDA NASIR**
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia akan memperkukuhkan hubungan dua hala dengan Timor-Leste selain menyokong kesediaan Timor-Leste sebagai bakal anggota ke-11 ASEAN.

Usaha tersebut diteruskan dalam kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke negara ke republik demokratik itu selama dua hari bermula semalam.

Anwar berkata, lawatan tersebut turut dilihat sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia dalam memperkukuh jaringan diplomasi serantau seiring dengan dasar Malaysia Madani.

“Moga segala perancangan dan agenda yang diatur dipermudahkan dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara,” katanya dalam media sosial di Facebook, semalam.

Anwar turut memaklumkan lawatan rasmi itu adalah jemputan daripada Perdana Menteri Timor-Leste, Kay Rala Xanana Gusmao.

Anwar yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Presidente Nicolau Lobato semalam disambut oleh Presiden Timor-Leste, Dr Jose Ramos-Horta dan Kay Rala Xanana Gusmao, yang turut diiringi persembahan kebudayaan melambangkan persahabatan erat Malaysia-Timor-Leste.

“Dalam satu detik simbolik, saya dijemput menaiki Mini Moke, kenderaan klasik berbumbung terbuka yang sinonim dengan gaya Ramos-Horta ketika mendekati rakyat pada majlis rasmi.



ANWAR Ibrahim diiringi Dr. Jose Ramos-Horta dan Kay Rala Xanana Gusmao ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Presidente Nicolau Lobato, Timor-Leste, semalam. - FB ANWAR

lis rasmi.

“Malah beliau sendiri memandu, dengan saya duduk di tempat duduk hadapan dengan Gusmao di belakang, sebelum kami bertiga meneruskan perjalanan ke sebuah hotel berdekatan,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut dijadual menyampaikan ucapan di Parlimen Nasional Timor-Leste serta menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara institusi kewangan Malaysia dan Banco Central de Timor-Leste dalam bidang pembangunan profesional dan pendidikan in-

surans.

Malaysia sebelum ini menyalurkan pelbagai bantuan kepada Timor-Leste, antaranya sumbangan USD200,000 untuk penubuhan Unit Timor-Leste di Sekretariat ASEAN serta pembiayaan RM4.1 juta bagi 12 program latihan berkaitan ASEAN.

Sehingga kini, lebih 1,100 warga Timor-Leste mengikuti pelbagai program latihan di Malaysia, manakala 55 pelajar sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi negara.

Kerjasama ekonomi turut berkembang dengan nilai da-

gangan dua hala mencecah USD6.65 juta dari Januari hingga Julai 2025.

Penerbangan terus Kuala Lumpur-Dili yang dimulakan Batik Air pada Jun lalu serta kemudahan lawatan sosial tanpa visa 30 hari kepada rakyat Malaysia sejak Ogos dijangka merencanakan lagi hubungan perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Lawatan rasmi ini dijadual berakhir hari ini dengan Anwar menerima anugerah Grand Collar of the Order of Timor-Leste sebagai tanda penghormatan, sebelum pulang ke Kuala Lumpur.